

KEMERDEKAAN

(OLEH MUSYFA')

Adapun perkataan “merdeheka” itu asalnya perkataan Sanskrit tetapi huruf “h” itu tidak dibunyikan jadi “merdeka” yang bererti bebas tiada di galang atau ditakluki oleh siap orang lain melainkan Allah, Tuhan yang Esa yang menjadikan tiap-tiap suatu lagi Maha Kuasa-Nya di atas tiap-tiap suatunya itu menurut agama Islam iaitu sebenar-benar dan sebaik-baik agama di sisi Allah Subhānahu wa Ta‘ālā.

Pada perhatian tatapan saya sendiri, terkecualilah orang-orang lain bahawa perkataan “merdeheka” ini sudah menjadi sepatah perkataan “moden” di sisi kita bangsa Melayu hampir-hampir sekalian yang di Malaya ini pada hari ini sama ada disebut pada mula-mula bersyarah berkenaan dengan perkara-perkara siasah negeri dan disahut oleh orang ramai “Merdeheka!” Gemuruh bunyinya, dan juga di dalam tulisan makalah-makalah bagi siaran surat-surat khabar Melayu sehingga di surat-surat selamat Hari Raya sekalipun.

Saya tahu benar-benar bahwasanya saudara-saudara kita Melayu Indonesia tiada sangat galak menggunakan perkataan “merdeheka” itu sehingga sudah selamat sempurna terlepas daripada genggaman kejaman kuasa kerajaan Belanda selepas peperangan besar yang kedua itu yakni sudah beratus-ratus tahun di bawah tindihan yang amat zalim kerajaan Holand (Belanda). Di dalam peperangan besar yang tersebut negeri Holand dialahkan serta ditakluki oleh Germany, akan tetapi dengan kasihan belas kerajaan British telah menolongnya dengan melarikan permaisuri Belanda (mendiang Queen Wilhelmina) dan ahli-ahli istananya serta ahli-ahli parlimen Belanda ke negeri England dan diberi pula sebuah bangunan besar bagi perlindungan Queen

Wilhelmina itu dan sebuah bangunan bagi tempat mesyuarat parlimen Belanda. Pada halnya jika sebuah kerajaan yang telah dialahkan dan ditakluk oleh musuhnya maka kerajaan itu tamat umur dan kuasanya dan tanah-tanah atau negeri-negeri takluk jajahannya itupun tiadalah lagi di bawah kuasanya (kerajaan Belanda). Tiada berapa lama setelah itu Jepun pula melanggar dan menakluki Indonesia- di sini tiadalah saya membincangkan kisah itu kerana sekalian tuan-tuan pembaca tahu sendiri satu persatunya dan askar-askar Belanda pun, selain daripada dibunuh oleh Jepun, lari bertempiaran menyelamatkan diri masing-masing siapa yang sempat. Setelah berhenti peperangan besar di Benua Eropah maka kerajaan Amerika Syarikat dan British mengalahkan Jepun yang menyerah diri dengan tiada bersyarat di Timur Jauh Yan, setelah itu kerajaan Belanda pun mencuba hendak mengambil balik negeri Indonesia akan tetapi askar-askar dan orang ramai Indonesia menerima banyak pusaka alat senjata peperangan yang ditinggalkan oleh tentera Jepun tambahan pula banyak orang-orang Indonesia yang telah belajar ilmu-ilmu peperangan daripada ketua-ketua askar Belanda beberapa tahun terlebih dahulu. Kerana hendak mengembalikan keamanan dan keadilan. Maka bangsa-bangsa Eropah yang berikat (UNITED NATIONS) mencampur mulut menjadi orang tengah-tengah di dalam mesyuarat yang berkeputusan bahawa Indonesia mesti dimerdehekakan-pertama kalinya kerajaan Belanda sudah hancur lebur. Yang keduanya sebab Indonesia sudah menjadi tanah jajahan takluk Jepun pula!

Setelah Indonesia menjadi Republik baharulah orang-orang Indonesia berani berseru, di sana berseru di sini “merdeheka” -“sekali merdeheka kekal merdeheka”- dan lain-lain seumpamanya. Di sini nyatalah pada saya bahawa tiap-tiap suatu yang berlaku itu adalah sebabnya.

Sekarang di tanah air kita seruan “merdeheka!” galak diserukan di sana sini sebagai peniup semangat perjuangan.